

# Ruzairi dilantik Timbalan Naib Canselor

**BATU PAHAT 6 Dis.** - Prof. Dr. Ruzairi Abdul Rahim dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkuat kuasa 1 Disember lalu.

UTHM dalam satu kenyataan memaklumkan, pelantikan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh itu adalah untuk tempoh tiga tahun iaitu sehingga 30 November 2019.

“Pelantikan Ruzairi bagi mengisi jawatan tersebut yang sebelum ini disandang oleh Prof. Dr.

Hashim Saim yang telah tamat tempoh lantikannya.



**RUZAIRI ABDUL RAHIM**

“Anak kelahiran Sungai Petani, Kedah ini merupakan seorang profesor dalam bidang Kejuruteraan Instrumentasi Elektronik dan sebelum ini bertugas di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai sebagai Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

Tambah kenyataan itu lagi, Ruzairi adalah lulusan ijazah doktor falsafah (PhD) dari Sheffield Hallam University, United Kingdom dan pernah dinobatkan

sebagai Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia 2013 oleh Akademi Sains Malaysia.

Bapa kepada lima anak itu memulakan kerjaya di UTM sejak 1998 dan sepanjang tempoh itu, beliau telah meraih sebanyak 45 anugerah kecemerlangan di peringkat universiti dan antarabangsa.

Beliau juga aktif dalam bidang penerbitan termasuk penulisan buku dan jurnal serta telah menyelia 35 pelajar PhD dan juga projek penyelidikan.

“Seluruh warga UTHM mengucapkan tahniah di atas pelantikan tersebut dan mengharapkan Ruzairi akan terus menyumbang idea dan kepakaran beliau demi mencapai visi dan misi di universiti ini,” kata kenyataan itu.